BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

**Pen : 02/03/49 (BN)**

**EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1930 pada hari Jumaat 28 Februari 2003**

# Maklumat Utama Bagi Siaran Akhbar Januari 2003

**Permohonan dan kelulusan pinjaman meningkat dengan ketara masing-masing sebanyak 38.3% dan 24.2%**

Pada bulan Januari, penunjuk monetari dan kewangan menjurus ke arah momentum pertumbuhan ekonomi yang berkekalan. Bekalan wang, deposit dan kesemua penunjuk pinjaman telah mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh pada bulan tersebut. Pemulihan berterusan di dalam pelaburan telah ditunjukkan di dalam aktiviti perniagaan yang lebih kukuh, seperti yang ditunjukkan di dalam pertumbuhan kukuh bagi permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman bagi sektor tersebut. Permohonan dan kelulusan pinjaman telah meningkat dengan ketara, masing-masing sebanyak 38.3% dan 24.2%. Pengeluaran pinjaman adalah meluas dan sebahagian besarnya disalurkan kepada sektor perniagaan (68% daripada jumlah pengeluaran), khususnya kepada sektor perkilangan (26.5%) dan perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (15.3%). Pinjaman yang diberikan kepada perniagaan kecil juga meningkat, mencakup sebanyak satu-perempat daripada peningkatan pinjaman yang belum dijelaskan yang disalurkan kepada peminjam kecil. Pada tempoh yang sama, permintaan daripada isirumah untuk pembeliaan rumah kediaman dan kereta penumpang kekal mapan pada tahap yang tinggi.

Dengan pembiayaan sektor swasta yang lebih tinggi oleh sistem perbankan serta operasi Kerajaan yang mengembang, M3 telah mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh pada bulan Januari. Wang secara kecil, M1, juga telah mencatatkan peningkatan ketara pada bulan tersebut, mencerminkan peningkatan permintaan bagi mata wang oleh orang awam menjelang perayaan Tahun Baru Cina.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

**Pen : 02/03/49 (BN)**

**EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1930 pada hari Jumaat 28 Februari 2003**

# SIARAN AKHBAR
# PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
# JANUARI 2003

Pada bulan Januari, penunjuk monetari dan kewangan menjurus ke arah momentum pertumbuhan aktiviti ekonomi yang berkekalan. Bekalan wang, deposit dan kesemua penunjuk pinjaman telah mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh pada bulan tersebut. Aktiviti perniagaan yang bertambah baik berbanding isirumah telah dicerminkan oleh pertumbuhan yang lebih kukuh bagi permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman bagi sektor ini. Pinjaman yang diberikan kepada perniagaan kecil juga meningkat, mencakup sebanyak satu-perempat daripada peningkatan pinjaman yang belum dijelaskan yang disalurkan kepada peminjam kecil. Pada tempoh yang sama, permintaan daripada isirumah untuk pembeliaan rumah kediaman dan kereta penumpang kekal mapan pada tahap yang tinggi.

Dengan pembiayaan yang lebih tinggi kepada sektor swasta oleh sistem perbankan serta operasi Kerajaan yang mengembang, M3 telah mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh pada bulan Januari. Wang secara kecil, M1, juga telah mencatatkan peningkatan yang ketara pada bulan tersebut, mencerminkan peningkatan permintaan bagi mata wang oleh orang awam menjelang perayaan Tahun Baru Cina.

## *Kadar faedah kekal rendah, menyokong permintaan untuk pembiayaan*

Pada bulan Januari, **kadar faedah antara bank** kekal rendah dan stabil. Purata kadar faedah berwajaran antara bank 3-bulan berada pada 2.91% (3.01% pada bulan Disember). Setelah mengambil kira peningkatan permintaan untuk

matawang, operasi mudah tunai Bank Negara Malaysia telah mengucup sedikit, menyerap sebanyak RM0.2 bilion daripada sistem bagi mengimbangi operasi Kerajaan yang mengembang pada bulan tersebut.

**Operasi Mudah Tunai BNM**




*BNM menyerap lebihan mudah tunai di dalam sistem perbankan untuk menstabilkan kadar faedah pada paras semasa*

**Keadaan Mudah Tunai**




*Mudah tunai sistem perbankan terus lega*

**Kadar Faedah Antara Bank**




*Kadar faedah antara bank kekal rendah dan stabil*

**Kadar purata pinjaman (ALR)** bagi syarikat kewangan terus menurun kepada 9.68%, daripada 9.75% pada akhir bulan Disember. Bagi bank perdagangan, ALR telah meningkat sedikit kepada 6.58% (6.50% pada akhir bulan Disember), berikutan bayaran balik pinjaman yang berkadar faedah rendah bagi beberapa buah bank. **Kadar berian pinjaman asas (BLR)** bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah pada bulan tersebut.

**Kadar Faedah Berian Pinjaman: Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan**




*BLR kekal stabil, sementara itu ALR bagi syarikat kewangan dan kebanyakan bank perdagangan terus menurun*

Struktur terma bagi **purata kadar faedah deposit tetap** untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan pada 15 Februari 2003, kekal tidak berubah bagi semua tempoh matang.

**Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Bank Perdagangan**




*Kadar faedah deposit tetap bagi bank perdagangan kekal tidak berubah*

**Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Syarikat Kewangan**




*...begitu juga bagi syarikat kewangan*

**Kadar Faedah Benar Deposit Tetap 3-Bulan**




*Dengan kadar inflasi yang stabil, kadar faedah benar 3-bulan bank perdagangan kekal tidak berubah*

## *Prestasi ringgit*

Pada bulan Januari, **ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama**. Selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa, nilai ringgit menyusut sebanyak 3.2% berbanding euro dan sebanyak 3.1% berbanding paun sterling, sementara meningkat nilai sebanyak 0.3% berbanding yen Jepun. Dolar AS dipengaruhi secara negatif akibat meningkatnya sifat mengelak risiko yang berpunca daripada ketegangan geopolitik dan prospek defisit berkembar yang lebih besar di AS. Tambahan lagi, dolar AS juga dipengaruhi secara negatif oleh penerbitan data ekonomi bagi bulan Disember yang lebih lemah daripada jangkaan. Yen Jepun menyusut nilai berbanding dolar AS menjelang penghujung bulan Januari berikutan pengesahan daripada pihak berkuasa Jepun berkenaan aktiviti campur tangan pasaran untuk menstabilkan kadar pertukaran.

**Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Utama**
(Purata mingguan)




*Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur pada bulan Januari*

**Ringgit juga mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau**. Ringgit meningkat nilai berbanding dolar Singapura dan peso Filipina, masing-masing sebanyak 0.1% dan 1.3%, sementara menyusut nilai berbanding mata wang serantau lain dalam lingkungan 0.7% - 2.1%. Selain daripada kelemahan dolar AS, kebanyakan mata wang serantau juga disokong perkembangan-perkembangan positif yang lain. Won Korea dan baht Thai mendapat manfaat daripada kemasukan dana yang berkaitan dengan pasaran ekuiti, sementara rupiah Indonesia meningkat nilai berikutan persetujuan pakej pemulihan ekonomi yang baru antara Kerajaan Indonesia dan IMF. Peso Filipina menyusut nilai disebabkan lebihan dagangan yang lebih rendah, defisit fiskal dan permintaan dolar AS berikutan tindakan Kerajaan untuk mengaktifkan pelan kontinjensi minyak yang memerlukan penapis untuk mengekalkan tahap minimum bagi simpanan/inventori minyak mentah dan barangan yang berasaskan minyak sebelum 3 Februari.

**Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Serantau**
(Purata mingguan)




*Ringgit juga mencatat prestasi becampur-campur berbanding mata wang sernatau*

Sepanjang tempoh **1 – 19 Februari 2003**, nilai ringgit meningkat berbanding mata wang utama, selari dengan dolar AS yang lebih kukuh. Mata wang AS mengukuh berikutan perkembangan positif ke arah penyelesaian secara diplomatik bagi konflik di Iraq. Data memberangsangkan untuk pekerjaan baru dan data pengangguran bagi bulan Januari juga menyokong dolar AS. Sebaliknya, paun sterling menjadi lemah berikutan meningkatnya kebimbangan keselamatan di United Kingdom, sementara euro juga menjadi lemah berikutan penerbitan data ekonomi yang menunjukkan penurunan pada pengeluaran perindustrian bulan Disember di negara Jerman dan Perancis. Disebabkan dolar AS yang lebih kukuh, nilai ringgit meningkat berbanding paun sterling, euro dan yen Jepun, masing-masing sebanyak 3.8%, 1% dan 0.1%. Ringgit juga meningkat nilai sebanyak 0.6% - 3% berbanding kebanyakan mata wang serantau, sementara secara relatifnya kekal stabil berbanding rupiah Indonesia.

**Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih**

| RM kepada satu unit mata wang asing | 2 September 1998 | Akhir-Jan. 2003 | 19 Feb. 2003 | % Perubahan | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Januari 2003 | Akhir 2002. - 19 Feb. 2003 | Akhir-2001 - 19 Feb. 2003 | 2 Sep. 1998 - 19 Feb. 2003 |
| Dolar AS | 3.8000 | 3.8000 | 3.8000 | 0.0 | 0.0 | 0.0 | 0.0 |
| Euro | - | 4.1110 | 4.0719 | -3.2 | -2.2 | -17.3 | - |
| Paun sterling | 6.3708 | 6.2858 | 6.0555 | -3.1 | 0.6 | -8.9 | 5.2 |
| 100 yen Jepun | 2.7742 | 3.1939 | 3.1921 | 0.3 | 0.3 | -9.3 | -13.1 |
| Dolar Singapura | 2.1998 | 2.1868 | 2.1698 | 0.1 | 0.9 | -5.4 | 1.4 |
| 100 baht Thai | 9.3713 | 8.8868 | 8.8341 | -0.9 | -0.3 | -2.6 | 6.1 |
| 100 peso Filipina | 8.8302 | 7.0579 | 7.0027 | 1.3 | 2.0 | 5.2 | 26.1 |
| 100 rupiah Indonesia | 0.0354 | 0.0428 | 0.0428 | -0.7 | -0.7 | -14.7 | -17.3 |
| 100 won Korea | 0.2827 | 0.3265 | 0.3169 | -2.1 | 0.9 | -9.0 | -10.8 |

## *Inflasi kekal stabil pada bulan Januari*

Kadar inflasi tahunan, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Penguna (IHP, 2000=100), kekal rendah dan tidak berubah pada tahap 1.7% pada bulan Januari. Kenaikan yang kecil telah dicatatkan bagi perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan; dan perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan. Kenaikan harga bagi makanan serta pengangkutan dan perhubungan menyederhana sedikit. Harga pakaian dan kasut menurun pada bulan tersebut.

**Indeks Harga Pengguna**




*Inflasi kekal stabil pada bulan Januari*

Harga pengeluar, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengeluar (IHPR), meningkat sebanyak 13.4% pada asas tahunan pada bulan Disember (November: 10.3%), mencerminkan harga yang lebih tinggi bagi minyak sawit mentah, minyak mentah dan getah. Tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras meningkat sebanyak 0.2%.




*Harga pengeluar terus meningkat*

## *Bekalan wang berkembang kukuh*

Bekalan wang berkembang kukuh pada bulan Januari, selaras dengan peningkatan aktiviti ekonomi. M1, M2 dan M3 masing-masing meningkat kepada 11.4%, 8%, dan 7.8% pada akhir bulan Januari daripada 10.3%, 5.8% dan 6.7% pada bulan Disember.

Pada bulan ini, M3 meningkat dengan nyata sebanyak RM7.8 bilion. Faktor utama kepada perkembangan monetari berpunca daripada pengembangan operasi Kerajaan (RM5.4 bilion) dan aktiviti pembiayaan perbankan yang lebih tinggi (+RM3.9 bilion). Analisa mengikut komponen menunjukkan bahawa perkembangan bekalan wang berpunca daripada peningkatan dalam M1, mencerminkan peningkatan permintaan terhadap mata wang oleh orang awam (RM4.5 bilion), menjelang perayaan Tahun Baru Cina. Deposit sektor swasta juga meningkat (+RM3.3 bilion) mencerminkan peningkatan deposit tetap dan deposit tabungan yang disimpan oleh individu serta deposit tetap yang disimpan oleh perusahaan perniagaan.

## Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan




*Ketiga-tiga agregat monetari meningkat pada kadar yang lebih tinggi pada bulan Januari*

## M3: Perubahan Bulanan




*M3 terus meningkat pada asas bulanan …*

### Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

| | Perubahan pada tempoh | | | |
|---|---|---|---|---|
| | 2002 | | | 2003 |
| | Nov | Dis | Jan - Dis | Jan |
| M3 | 6.5 | 2.6 | 31.6 | 7.8 |
| Tuntutan bersih ke atas Kerajaan | 1.8 | -3.6 | 11.7 | 5.4 |
| Tuntutan ke atas sektor swasta | 4.6 | ... 1/ | 26.2 | 3.9 1/ |
| Operasi luar bersih 2/ | 1.0 | -2.3 | 1.2 | -0.3 |
| Pengaruh lain | -0.9 | 8.5 | -14.1 | -1.2 |

1/ Jika pinjaman yang dihapus kira dan yang ditukar ke ekuiti dimasukkan kembali, tuntutan ke atas sektor swasta meningkat sebanyak RM3.3 bilion pada bulan Disember 2002 dan RM4.2 bilion pada bulan Januari 2003.

2/ Sebelum penilaian semula

*Perkembangan M3 mencerminkan pengembangan operasi Kerajaan dan aktiviti pembiayaan perbankan yang lebih tinggi*

## *Deposit system perbankan yang lebih tinggi pada bulan Januari*

**Jumlah deposit sistem perbankan** terus meningkat sebanyak RM3.3 bilion atau 0.7% pada bulan Januari. Deposit individu terus meningkat dengan ketara sebanyak RM2.4 bilion, sementara deposit perusahaan perniagaan meningkat sebanyak RM0.6 bilion. Terdapat pengeluaran bersih oleh institusi kewangan bukan bank berikutan pembelian terbitan baru SKM. Pada asas tahunan, jumlah deposit sistem perbankan meningkat sebanyak 5.8% pada akhir bulan Januari.

**Perubahan Bulanan dalam Deposit** **(RM juta)**

| | 2002 | | 2003 |
|---|---|---|---|
| | **Nov.** | **Dis.** | **Jan.** |
| **Penyimpan** | | | |
| Kerajaan Persekutuan | 426 | -45 | 127 |
| Kerajaan Negeri | -12 | -111 | 290 |
| Badan Berkanun[1/] | -360 | -168 | 807 |
| Institusi Kewangan | 1,355 | 4,175 | -659 |
| Perusahaan Perniagaan | 2,950 | -3,542 | 555 |
| Individu | 2,105 | 2,559 | 2,380 |
| Lain-lain | -122 | 433 | -209 |
| **Jumlah** | **6,341** | **3,300** | **3,290** |

[1/] Termasuk Kerajaan Tempatan.

*Deposit yang lebih tinggi disimpan oleh individu dan perusahaan perniagaan…*

**Perubahan Bulanan dalam Deposit** **(RM juta)**

| | 2002 | | 2003 |
|---|---|---|---|
| | **Nov.** | **Dis.** | **Jan.** |
| **Jenis** | | | |
| Deposit tetap | 346 | -1,008 | 3,331 |
| NID | 338 | 1,623 | 468 |
| Deposit permintaan | 1,894 | 695 | 340 |
| Deposit tabungan | 467 | 1,753 | 603 |
| Perjanjian beli balik *(Repo)* | 2,665 | -12 | -1,217 |
| Deposit mata wang asing | 347 | 82 | 9 |
| Deposit SPI | 407 | -387 | -32 |
| Lain-lain | -122 | 433 | -209 |
| **Jumlah** | **6,341** | **3,300** | **3,290** |

*…. dicerminkan terutamanya dalam deposit tetap dan tabungan*

## *Pembiayaan kepada sektor swasta kekal tinggi*

Persekitaran kadar faedah yang rendah dan stabil, bersama-sama dengan keadaan mudah tunai yang lega terus menyediakan suasana yang kondusif untuk pembiayaan sektor swasta untuk berkembang dengan mapan. **Jumlah pembiayaan kasar** melalui pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dan yang diperolehi daripada pasaran modal kekal tinggi, berjumlah RM38.8 bilion pada bulan Januari, disebabkan terutamanya oleh aktiviti berian pinjaman yang lebih kukuh oleh sistem perbankan.




Semua penunjuk pinjaman meningkat pada bulan Januari. Mencerminkan peningkatan dalam permintaan untuk pembiayaan, selaras dengan tahap aktiviti ekonomi yang lebih tinggi, **permohonan dan kelulusan pinjaman meningkat dengan ketara masing-masing sebanyak 38.3% dan 24.2%**, sementara pengeluaran pinjaman berkembang sebanyak 4.4%. Secara keseluruhannya, pengeluaran pinjaman kekal meluas dan disalurkan terutamanya kepada sektor perniagaan (68% daripada jumlah pengeluaran pinjaman), terutamanya kepada sektor perkilangan (26.5%), perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (15.3%), dan pembinaan (7.1%). Pengeluaran pinjaman kepada individu juga lebih tinggi, terutamanya untuk pembelian rumah kediaman (7.8% daripada jumlah pengeluaran pinjaman) dan kereta penumpang (6.3%).

Satu perkembangan yang menggalakkan pada bulan ini ialah **permintaan untuk pinjaman yang lebih kukuh daripada perusahaan perniagaan**. Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada perusahaan perniagaan adalah lebih kukuh pada bulan Januari (masing-masing sebanyak RM13.5 bilion, RM6.8 bilion dan RM25.9 bilion) berbanding dengan prestasi purata bulanan pada tahun 2002 (masing-masing sebanyak RM11.3 bilion, RM5.7 bilion dan RM23.5 bilion pada tahun 2002).

**Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman (RM bilion)**




*Kesemua penunjuk pinjaman meningkat pada bulan Januari*

**Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih**




*Pengeluaran yang lebih tinggi kepada sektor individu dan perniagaan*

Pada bulan Januari, pinjaman yang belum dijelaskan bertukar arah untuk meningkat sebanyak RM2.3 bilion (penurunan sebanyak RM1.1 bilion pada bulan Disember 2002). Kenaikan ini disalurkan terutamanya untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang (masing-masing sebanyak +RM1.5 bilion dan RM0.8 bilion), serta kepada sektor perkilangan (+RM1 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman yang belum dijelaskan meningkat sebanyak 4.6% pada akhir bulan Januari.

Analisa pinjaman mengikut saiz menunjukkan peningkatan dalam pinjaman mencerminkan pinjaman yang lebih tinggi diberikan kepada peminjam kecil. Pinjaman yang belum dijelaskan bersaiz kurang daripada RM100,000 dan di antara RM100,000 dan RM500,000 meningkat masing-masing sebanyak RM1.4 bilion atau 1.1% dan RM1.3 bilion atau 1.3%. Pinjaman kecil bersaiz kurang daripada RM500,000 yang diberikan kepada perniagaan meningkat sebanyak RM654 juta atau 1.2%. Ini mencakupi satu-perempat daripada peningkatan dalam jumlah pinjaman bersaiz kurang daripada RM500,000.

## *Pasaran modal memperolehi dana bersih yang lebih tinggi*

Pasaran modal memperolehi dana bersih yang lebih tinggi pada bulan Januari, berjumlah RM2.5 bilion, terutamanya disebabkan terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia. Jumlah dana yang diperolehi oleh sektor swasta meningkat sedikit pada bulan ini. Dana bersih yang diperoleh melalui sekuriti hutang swasta dan ekuiti, masing-masing berjumlah RM262 juta dan RM191 juta. Pada bulan ini, terdapat tujuh tawaran awam permulaan (IPO) yang berjumlah RM68.5 juta. Empat disenaraikan di pasaran MESDAQ, sementara tiga lagi merupakan syarikat-syarikat dalam sektor barangan industri dan pengguna. Walaupun sentimen pasaran lemah, kebanyakan IPO yang ditawarkan telah terlebih langganan dan didagangkan melebihi harga tawarannya pada akhir hari pertama dagangan.

**Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal** [1/]




1/ Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

*Pasaran modal memperolehi dana yang lebih tinggi*

**Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur** (IK BSKL) meningkat pada bulan Januari berikutan pengumuman penubuhan syarikat pengurusan dana baru sektor awam. Di samping itu, beberapa perkembangan positif sektor korporat turut meningkatkan sentimen pasaran. Pada 31 Januari, IK BSKL ditutup tinggi pada 664.77 mata (+2.9% sejak akhir bulan Disember) dengan modal pasaran berjumlah RM498.37 bilion (+3.5% sejak akhir bulan Disember). Purata urusniaga harian pasaran sebanyak 303.6 juta unit (117.1 juta unit pada bulan Disember 2002).

**Prestasi Indeks Terpilih**




*IK BSKL menurun sedikit pada bulan Februari*

Pada tiga minggu pertama bulan Februari, IK BSKL menurun sedikit berikutan ketidaktentuan yang berterusan mengenai prospek ekonomi global serta meningkatnya ketegangan di Timur Tengah. Di samping sentimen pasaran yang lemah, aktiviti pasaran juga turut pengaruhi oleh musim cuti perayaan dan cuti umum. Pada 19 Februari, IK BSKL ditutup pada 660.96 mata (-0.6% sejak akhir bulan Januari) dengan modal pasaran sebanyak RM496.05 bilion (-0.5% sejak akhir bulan Januari). Purata urusniaga harian adalah lebih rendah sebanyak 173.2 juta unit.

## *Rizab antarabangsa*

**Rizab antarabangsa bersih** Bank Negara Malaysia adalah stabil pada RM131.5 bilion atau AS$34.6 bilion pada 31 Januari 2003. Aliran masuk daripada perolehan eksport yang dibawa pulang adalah lebih besar pada bulan Januari. Aliran masuk ini adalah memadai untuk membiayai pembayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan, pelaburan luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia, pembayaran balik hutang luar negeri dan aliran keluar dana portfolio. Rizab

berjumlah sebanyak RM131 bilion atau AS$34.5 bilion pada 14 Februari 2003. Aliran masuk daripada perolehan eksport yang dibawa pulang berkekalan manakala dana portfolio mencatatkan aliran masuk bersih pada separuh pertama bulan Februari. Aliran masuk ini diatasi oleh pembayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan, termasuk pembayaran dividen, pembayaran balik hutang luar negeri yang lebih tinggi, dan pembayaran untuk pengambilalihan kepentingan asing dalam sektor gas oleh sebuah syarikat Malaysia. Paras rizab pada 14 Februari adalah memadai untuk membiayai 5.3 bulan import tertangguh dan adalah 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.




## *Kedudukan modal sistem perbankan yang lebih kukuh*

Kedudukan kewangan sistem perbankan terus mengukuh pada bulan Januari 2003 dengan kualiti aset dan kedudukan modal yang semakin meningkat. Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing meningkat ke tahap 13% dan 10.9%, berikutan kemasukan keuntungan yang telah diaudit ke dalam modal asas oleh beberapa institusi perbankan. NPL bersih (klasifikasi 6-bulan) menurun kepada RM31.4 bilion atau pada tahap 7.3% daripada pinjaman bersih.

| Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan* | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1998 | 1999 | 2000 | 2001 | 2002 | | | 2003 |
| | Dis. | Dis. | Dis. | Dis. | Okt. | Nov. | Dis. | Jan. |
| **Modal (%)** | | | | | | | | |
| Nisbah modal teras | 8.7 | 10.1 | 10.7 | 11.1 | 10.8 | 10.9 | 10.7 | 10.9 |
| RWCR | 11.8 | 12.5 | 12.5 | 13.0 | 13.1 | 13.1 | 12.8 | 13.0 |
| **NPL bersih (klasifikasi 6-bulan)** | | | | | | | | |
| % jumlah pinjaman bersih | 8.1 | 6.4 | 6.3 | 8.1 | 7.7 | 7.5 | 7.5 | 7.3 |
| Jumlah (RM juta) | 31,675 | 23,849 | 24,700 | 32,775 | 32,302 | 31,803 | 31,703 | 31,359 |
| **Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih(6-bulan, %)** | 2 | 1.9 | 1.9 | 1.9 | 1.9 | 1.8 | 1.8 | 1.8 |

** Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam*




*…Kedudukan modal kekal kukuh dengan RWCR dan nisbah modal teras masing-masing meningkat kepada 13.0% dan 10.9%….*




*..Nisbah NPL bersih menurun kepada 7.3%…*

**Bank Negara Malaysia**
**28 Februari 2003**

**Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan**

| | Disember 2002 | | Januari 2003 | |
|---|---|---|---|---|
| | Baki | Pertumbuhan tahunan | Baki | Pertumbuhan tahunan |
| | (RM bilion) | (%) | (RM bilion) | (%) |
| Agregat Monetari | | | | |
| Wang rizab | 42.6 | 6.4 | 47.9 | 12.0 |
| M1 | 89.1 | 10.3 | 92.9 | 11.4 |
| M2 | 383.5 | 5.8 | 389.0 | 8.0 |
| M3 | 501.1 | 6.7 | 509.0 | 7.8 |
| Sistem Perbankan | | | | |
| Jumlah deposit | 504.5 | 5.3 | 507.8 | 5.8 |
| Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta) | 490.5 | 4.3 | 492.8 | 4.6 |
| Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta) | 428.5 | 4.1 | 430.6 | 4.6 |
| Nisbah pinjaman-deposit (%) | 84.9 | | 84.8 | |
| Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan | 10.5 | 11.6 | 13.1 | 23.0 |
| Pengeluaran pinjaman pada bulan berkenaan | 36.4 | 4.0 | 38.0 | 8.2 |
| Pinjaman yang dibayar pada bulan berkenaan | 35.9 | -1.0 | 37.0 | 3.4 |
| Keadaan Sistem Perbankan | | | | |
| Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%) | 12.8 | | 13.0 | |
| NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%) | 7.5 | | 7.3 | |
| Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh) | | | | |
| Rizab dalam RM (bilion) | 131.5 | | 131.5 | |
| Rizab dalam Dolar AS (bilion) | 34.6 | | 34.6 | |
| Bilangan bulan import tertangguh | 5.4 | | 5.4 | |
| Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan] | | | | |
| Antara bank: 1-bulan | 2.99[2.98] | | 2.99[2.99] | |
| 3-bulan | 3.13[3.01] | | 2.91[2.91] | |
| Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan | 3.20[3.20] | | 3.20[3.20] | |
| 3-bulan | 3.20[3.20] | | 3.20[3.20] | |
| BLR bank perdagangan | 6.39[6.39] | | 6.39[6.39] | |
| Harga | | | | |
| Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100) | 103.8 | 1.7 | 104.0 | 1.7 |
| Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100) | 138.0 | 13.4 | | |
| Kadar Pertukaran Ringgit berbanding mata wang terpilih (akhir tempoh) | | | | |
| Euro | 3.9811 | | 4.1110 | |
| Paun Sterling | 6.0924 | | 6.2858 | |
| Dolar Singapura | 2.1887 | | 2.1868 | |
| 100 Yen Jepun | 3.2020 | | 3.1939 | |
| 100 Baht Thai | 8.8096 | | 8.8868 | |
| 100 Peso Filipina | 7.1462 | | 7.0579 | |
| 100 Rupiah Indonesia | 0.0425 | | 0.0428 | |
| 100 Won Korea | 0.3197 | | 0.3265 | |
| Pasaran Modal | | | | |
| Dana bersih yang diperoleh: | | | | |
| sektor awam (RM bilion) | 3.7 | | 2.0 | |
| sektor swasta (RM bilion) | -3.9 | | 0.5 | |
| Indeks Komposit BSKL (akhir-tempoh) | 646.32 | | 664.77 | |
| Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh) | 481.62 | | 498.37 | |